



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 52

Isnin

27 November 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Kelas Tambahan dan Isu Beg Sekolah**
– *YB. Tuan Liew Chin Tong (Kluang)*

[Halaman 1]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 27 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Masalah Kelas Tambahan dan Isu Beg Sekolah

2.34 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Usul saya berkenaan dengan Masalah Kelas-kelas Tambahan dan Isu Beg Sekolah. Saya ingin membangkitkan beberapa isu yang dihadapi oleh murid-murid sekolah rendah terutamanya sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), iaitu masalah-masalah kelas-kelas tambahan dan beban beg sekolah yang semakin berat. Ini tidak terhad kepada SJKC tetapi murid-murid SJKC adalah kumpulan mangsa yang paling utama.

Pelajar hari ini terpaksa menghadiri kelas-kelas tambahan yang membawa beban dan kesulitan kepada murid, ibu bapa dan juga guru sekolah. Kelas-kelas tambahan yang tidak munasabah dan melebihi masa ini bukan sahaja tidak membantu murid-murid dalam pelajaran, malah akan menyebabkan mereka hilang minat untuk belajar. Tekanan kewangan terhadap Ibu bapa juga meningkat kerana terpaksa membeli buku-buku kerja tambahan untuk kelas tambahan mandatori, bahkan kos sara hidup hari ini sudah tinggi dan menyusahkan.

Kelas-kelas tambahan seperti kelas awal pagi dan kelas bimbingan PIBG telah menyebabkan masa belajar murid-murid dipanjangkan. Masalah kekurangan tidur yang dialami oleh kanak-kanak hari ini turut menjejaskan keberkesanan pembelajaran mereka. Begitu juga guru-guru yang terlibat dalam kelas-kelas tambahan yang sebenarnya di luar bidang tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sekolah juga mengadakan kelas tambahan cuti

sekolah untuk membantu murid-murid menangani silibus tahun yang baru. Saya minta Kementerian Pendidikan, Timbalan Menteri yang ada di sini, menyatakan pendirian dan penilaian kementerian dalam keberkesanan dan keperluan kelas-kelas tambahan ini. Adakah kelas-kelas tambahan seperti yang tersebut dibenarkan? Kementerian diminta menyatakan pekeliling-pekeliling sedia ada yang terpakai kepada kelas tambahan. Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh pihak sekolah dalam mengadakan kelas-kelas tambahan.

Saya ingin menyeru kementerian dan pentadbir sekolah, kelas-kelas tambahan bukanlah cara yang betul untuk mendidik generasi baru, sebaliknya ia lebih membebankan daripada membantu. Selain itu, masalah beban beg sekolah pada murid-murid kian meningkat akibat jumlah buku-buku kerja yang perlu dibeli semakin menambah.

Saya mengalu-alukan tindakan kementerian dan juga kenyataan Timbalan Menteri dalam surat khabar, untuk menguatkuasakan semula Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2000 sebagai satu inisiatif meringankan beg sekolah murid-murid, walaupun pekeliling ini sepatutnya diperketatkan 17 tahun yang lalu.

Sejak bulan Oktober, saya telah mengumpul senarai-senarai buku tahun 2018 dari 60 buah SJKC di seluruh Malaysia untuk rujukan kementerian. Saya mendapati bahawa ada sekolah menukarkan 'buku kerja' kepada 'buku rujukan' di dalam senarai buku dan ada beberapa buku-buku kerja dijadikan satu 'koleksi buku kerja'. Ini juga Timbalan Menteri sudah sebut minggu lepas dalam kenyataan beliau untuk memintas larangan pekeliling. Adakah terdapat 'hubungan istimewa' antara pentadbir sekolah dan syarikat buku.

Saya juga ingin bertanya, mengapakah pelajar diwajibkan membeli buku latihan bergaris keluaran Jabatan Pendidikan Negeri, terutamanya Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Saya berharap kementerian dapat menangani isu beg sekolah yang sekian lama ini sejak saya di sekolah rendah, 30 lebih tahun dahulu. Sekolah rendah, sama ada sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan pun menghadapi masalah yang sama dan saya sentiasa bersiap sedia untuk bekerjasama dengan pihak kementerian untuk membantu dalam isu ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

2.38 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Terima kasih Tuan Yang di- Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kluang. Tuan Yang di-Pertua, pada

kesempatan ini, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kluang mengenai masalah kelas tambahan dan isu beg sekolah berat.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menyokong pihak sekolah dalam melaksanakan program atau aktiviti untuk meningkatkan pencapaian murid. KPM turut menghargai sokongan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan komuniti yang banyak membantu dalam program kecemerlangan akademik sekolah. Pada masa yang sama, KPM sentiasa memastikan semua pihak mematuhi peraturan pendidikan sedia ada agar objektif utama untuk melihat keberhasilan murid tidak tersasar daripada landasan sebenarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelas tambahan merupakan inisiatif pihak sekolah untuk memberi nilai tambah atau peneguhan kepada akademik murid melalui pelaksanaan kelas tambahan di luar waktu rasmi sekolah. Pelaksanaan kelas tambahan tersebut tidak diwajibkan oleh peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan pendidikan yang sedia ada. Kelas tambahan dilaksanakan berdasarkan inisiatif guru-guru, pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Tuan Yang di- Pertua, KPM ingin menegaskan bahawa pelaksanaan kelas tambahan di sekolah perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan tanpa membebankan murid, ibu bapa dan guru. Pada masa yang sama, guru hendaklah melaksanakan pembelajaran dan pengajaran (PdP) berdasarkan jadual waktu yang ditetapkan oleh pihak pentadbir sekolah dengan diselia dan dipantau oleh Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri. Peruntukan waktu yang disediakan bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan dalam kurikulum kebangsaan di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan termasuk SJKC adalah mencukupi bagi keperluan PdP mata pelajaran tersebut untuk suatu tahun persekolahan.

■1440

Oleh itu, pelaksanaan dan penyertaan kelas tambahan secara sukarela di sekolah, bukan disebabkan guru tidak cukup masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran sebagaimana dakwaan setengah-setengah pihak.

Pihak sekolah mengambil inisiatif mengadakan kelas tambahan dengan kerjasama PIBG. Keperluan kelas tambahan ini dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat AJK PIBG sekolah. Tegasnya, kelas tambahan dilaksanakan atas persetujuan pihak sekolah dan ibu bapa atau penjaga. Dalam hal ini, isu paksaan dan membebankan ibu bapa tidak sepatutnya timbul kerana PIBG dan sekolah tidak mewajibkan penyertaan kelas tambahan kepada semua murid. Penyertaan murid dalam kelas tambahan adalah atas persetujuan dan pilihan ibu bapa. Kelas dilaksanakan di

luar waktu PdP tanpa menjejaskan waktu rasmi bertugas guru. Jadual bagi pelaksanaan kelas tambahan juga disesuaikan dan diawalkan bagi memastikan guru dan murid mendapat cuti yang secukupnya.

Berdasarkan peraturan sedia ada, sebarang kutipan wang (jika ada) melibatkan aktiviti anjuran PIBG termasuk kelas tambahan perlu mendapat kelulusan pendaftar. Pengurusan kewangan bagi kelas tambahan dikelolakan oleh PIBG sekolah sepenuhnya. Kos pengendalian dan yuran kelas tambahan juga perlu mendapat persetujuan ibu bapa dalam mesyuarat PIBG. Perlu dijelaskan di sini bahawa yuran yang dikenakan kepada murid yang terlibat secara sukarela adalah untuk menampung modul pembelajaran yang dibangunkan oleh guru-guru mengikut tahap kebolehan murid. Pihak sekolah atau PIBG juga mempunyai kaedah tersendiri untuk membantu murid-murid keluarga miskin agar tidak tercicir daripada aktiviti sekolah termasuk kelas tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab persoalan Yang Berhormat Kluang, berkaitan beg sekolah berat dan penggunaan buku kerja di sekolah, KPM ingin menegaskan bahawa Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.1/2000: Penggunaan Buku Kerja di Sekolah masih berkuat kuasa dan perlu dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan. SPI ini dikeluarkan sebagai garis panduan penggunaan buku kerja sekolah rendah untuk dipatuhi oleh semua guru besar dan guru. Berdasarkan pekeliling tersebut, murid-murid Tahap 1 tidak dibenarkan menggunakan buku kerja sekolah rendah kerana Buku Latihan Aktiviti telah disediakan oleh KPM. Bagi murid-murid Tahap 2, hanya satu judul buku kerja sahaja dibenarkan untuk setiap murid bagi tiap-tiap satu mata pelajaran yang telah kita khususkan.

Pada dasarnya buku teks merupakan bahan utama yang wajib digunakan dalam proses PdP dan buku kerja hanyalah sebagai tambahan. Namun, buku teks juga bukan menjadi faktor beg berat di sekolah. Hasil kajian KPM pada tahun 2000, 2008 dan 2010 menunjukkan bahawa peratus berat buku teks adalah di antara 3.21 peratus hingga 7.6 peratus berbanding berat badan murid. Peratus ini di bawah 15 peratus iaitu peratus berat paling maksima yang dicadangkan oleh pertubuhan antarabangsa.

Berat beg yang berlebihan adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain selain buku teks. Antaranya murid membawa buku tidak mengikut jadual waktu harian dan murid membawa buku tulis yang berlebihan daripada yang diperlukan. Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil langkah-langkah secara berterusan untuk mengatasi isu beg berat. Pemantauan terhadap pematuhan kepada SPI Bil.1/2000 juga dilaksanakan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Tuan Yang di- Pertua, tindakan Yang Berhormat Kluang mengumpulkan senarai buku tahun 2018 untuk 60, sudah tambah, ya? 60 buah SJKC diharap tidak mempunyai agenda politik, ya Yang Berhormat. Sepatutnya senarai itu diserahkan kepada KPM untuk mendapat penjelasan dan tindakan yang sewajarnya. Saya sendiri khususnya dan KPM amnya sentiasa mengambil berat terhadap isu penggunaan buku kerja di sekolah dan mengarahkan pihak sekolah mematuhi sepenuhnya SPI sedia ada.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat Kluang juga tidak patut meragui integriti pentadbir sekolah dengan tuduhan bahawa guru besar mempunyai hubungan istimewa dengan pembekal buku di sekolah. Pemilihan buku-buku kerja dilakukan oleh panitia mata pelajaran sekolah masing-masing berdasarkan kepada keperluan murid dan kesesuaian isi kandungan, mutu dan harga yang tidak membebankan ibu bapa.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru hendaklah dimaklumkan mengenai buku-buku kerja yang dipilih. Murid-murid tidak wajib membeli buku-buku kerja atau buku latihan yang dipilih oleh pihak sekolah. Ibu bapa boleh memilih untuk membeli atau tidak buku kerja yang dicadangkan. Setiap judul buku kerja yang dipilih hendaklah disenaraikan dalam kategori 'pilihan' dalam senarai tajuk buku dan peralatan yang dicadangkan untuk dibeli oleh murid. Setakat ini, KPM tidak menerima aduan rasmi tentang manipulasi senarai buku atau elemen paksaan dalam penjualan buku kerja di sekolah. Namun, KPM sedia menerima laporan dan bukti daripada Yang Berhormat Kluang bagi melaksanakan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan prosedur dan peraturan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan JPN melalui persatuan, kelab kebajikan, sukan, pegawai dan kakitangan mengambil inisiatif menyelaraskan penjualan buku latihan bergaris kepada murid-murid melalui koperasi sekolah. Tindakan tersebut merupakan langkah menang-menang iaitu memudahkan ibu bapa mendapatkan buku latihan, membantu murid dan guru dalam proses PdP serta membantu persatuan atau kelab pegawai pendidikan. Hasil jualan buku latihan digunakan untuk menampung aktiviti persatuan atau kelab tersebut. Namun, ingin saya tegaskan bahawa murid atau ibu bapa boleh memilih untuk membeli atau tidak buku latihan yang dicadangkan. Dalam hal ini, dakwaan Yang Berhormat Kluang bahawa JPN mewajibkan murid membeli buku latihan bergaris adalah tidak berasas.

Dalam usaha berterusan meningkatkan keberhasilan murid dan kualiti pendidikan, KPM sentiasa membuka ruang kerjasama antara pihak sekolah dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta selaras dengan Anjakan Kesembilan, PPPM 2013-2025 termasuk mengadakan kelas tambahan. Namun, KPM sama sekali tidak akan

berkompromi dengan mana-mana pihak yang berhasrat mengaut keuntungan daripada program atau aktiviti sekolah. Kebajikan dan keselamatan murid serta demokrasi pendidikan menjadi agenda utama kementerian melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 28 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.49 petang]